

Didik komuniti **terima autisme**

Pemahaman tepat dapat halang diskriminasi, elak persepsi negatif masyarakat terhadap golongan berkenaan

BANTING - Pemahaman yang tepat mengenai autisme akan menghalang diskriminasi, stigma dan penyisihan dalam masyarakat.

Pengerusi Kelab Belia Wanita Muda Kuala Langat (Wada), Asuma Beevi Mohamed Sali berkata, pemahaman itu dapat mengelakkan persepsi negatif masyarakat sekali gus dapat membuka satu ruang baharu kepada golongan autisme, terutama kanak-kanak.

"Ibu bapa yang mempunyai anak autisme menghadapi kesukaran berdepan masyarakat terutama mereka yang kurang ilmu dan kesedaran mengenai penyakit itu.

"Saya faham ada ibu bapa yang tertekan dan memerlukan sokongan masyarakat, tapi mereka hanya bo-

“ Saya faham ada ibu bapa yang tertekan dan memerlukan sokongan masyarakat.”

- Asuma Beevi

leh bergantung harap dalam kelompok kecil yang melalui situasi sama," katanya selepas menonton tayangan filem mengisahkan mengenai autisme bersama lebih 15 ahli keluarga anak-anak autisme dari Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Langat di Putrajaya.

Menurutnya, filem itu boleh dijadikan medium mendidik masyarakat, terutama penonton untuk lebih terbuka dengan golongan autisme.

"Kita puji inisiatif berani un-



Asuma Beevi bersama anak autisme dari PPKI SK Sri Langat selepas tayangan filem mengisahkan autisme.

tuk penerbitan filem ini... ia bukan semata-mata nak raih keuntungan, tetapi lebih kepada melakukan tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

"Kita juga berhasrat nak menganjurkan program melibatkan anak autisme ini, ter-

masuk kolaborasi dengan syarikat filem itu untuk membuat tayangan amal di Kuala Langat," katanya.

Beliau berkata, ibu bapa yang diduga dengan anak istimewa ini perlu lebih tabah dan terus memberi sokong-

an untuk anak masing-masing menyesuaikan diri menjalani kehidupan.

"Kita dapat lihat kesukaran yang perlu dilalui ibu bapa mempunyai anak autisme dan kebanyakan mereka adalah anak muda yang baru men-

jalani kehidupan berumah tangga.

"Kita faham, amanah ini bukan mudah tapi kita yakin hasilnya indah apabila anak-anak ini nanti menganggap ibu bapa hero sebenar mereka," katanya.

RM40,000 naik taraf surau

SUNGAI LANG - Surau Kampung Sungai Lang Baru di sini, bakal dinaik taraf dengan kos RM40,000 yang diperuntukkan Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri.

Pengerusi Penyelaras Pembangunan Persekutuan Parlimen Sepang, Datuk Marsom Paing berkata, naik taraf itu bakal memberi ke-selesaian kepada ahli kariah selain memudahkan pelaksanaan kelas pengajian.

"Kita nak ahli kariah di sini bersungguh-

sungguh imarahkan surau yang ada menerusi penganjuran pelbagai aktiviti.

"Usahkan supaya anak remaja kita turut serta dalam aktiviti surau dan saya yakin kariah aktif dapat memberi manfaat kepada masyarakat setempat," katanya yang turut solat berjemaah bersama kariah Surau 1 Kampung Sungai Lang Baru itu, di sini, kelmarin.

Turut diadakan, majlis tahlil perdana dan perasmian beduk baharu anjuran jawatankua-sa surau dan persatuan belia.



Klik pilihan

BERHIMPUN Bekas pelajar Sekolah Methodist Telok Datok sesi 1970 hingga 1980-an mengadakan perjumpaan semula di Dewan Vincent Daniel

Sekolah Kebangsaan Methodist sempena peringatan Sambutan Hari Guru tidak lama lagi. Turut diadakan, Pelancaran Program Guru Penayang dan Mentor Mentee. Hadir sama, bekas guru, Jacob Mathews (duduk, tengah).